

SH 31/12/2019 m/s 41

## Bubu naga, pukat pari dirampas

KUALA KEDAH - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kuala Kedah merampas pelbagai peralatan menangkap ikan haram dalam operasi di kawasan pantai Kuala Sala hingga Tanjung Dawai sejak kelmarin.

Pengarah Zon APMM Kuala Kedah, Komander Maritim Mahmud Faizal Ahmad berkata, pihaknya merampas 17 bubu naga dan lima pukat pari dalam rondaan di kawasan perairan Kuala Sala.

Menurutnya, pihaknya menganggarkan nilai rampasan bubu naga ialah RM1,530 manakala pukat pari dianggarkan mencecah RM10,000.

“Kita mendapati bubu naga ini digunakan tanpa lesen kerana melebihi dua injap manakala untuk pukat pari, kami dapati kesalahan dilakukan adalah saiz matanya melebihi 10 inci,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.